

01/09/1999

Simbol impian rakyat (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Menara Berkembar Petronas sebagai simbol cita-cita tinggi rakyat dan negara untuk menjadikan Malaysia negara maju.

Perdana Menteri berkata, bangunan berkembar 88 tingkat itu, yang tertinggi di dunia serta menggabungkan seni bina kaca dan besi, juga menjadi lambang kemajuan negara.

"Ia turut menjadi simbol fizikal kebolehan rakyat mentadbir dan mengurus kewangan negara, bukan membazirkan wang.

"Kami bukan sebuah negara besar atau negara paling kaya. Tetapi kami membina apa yang mampu dan kami membina Menara Berkembar Petronas kerana kami mampu," katanya ketika merasmikan menara berkembar itu di sini, malam ini.

Menara milik Petronas setinggi 452 meter itu, yang turut merangkumi pusat perniagaan enam tingkat dan dewan filharmonik bertaraf dunia, dibina membabitkan kos RM1.8 bilion sejak 1992 dan mula diduduki dua tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, pembinaan menara itu membuktikan kemampuan negara menubuh dan menguruskan syarikat gergasi supaya sumber minyak dapat dijadikan punca kekayaan dan pembangunan negara.

Menurutnya, pembinaan menara itu serta projek besar lain seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang canggih, pusat pentadbiran baru Persekutuan di Putrajaya dan bandar raya bestari Cyberjaya, tidak menyebabkan kedudukan kewangan negara susut sehingga memaksa kerajaan meminta bantuan luar.

"Malaysia sebaliknya menyelesaikan masalah kewangannya berdasarkan kedudukan kewangannya sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Menara Kembar Petronas dibina kerana "negara memerlukan sesuatu untuk mendonggak ke atas".

"Sudah tentu kita perlu mendonggak ke atas untuk melihat menara itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sesetengah rakyat Malaysia mungkin tidak bersetuju dengan pandangannya mengenai menara itu tetapi berpendapat tanggapan biasanya berbeza antara seorang dan seorang yang lain.

Beliau bagaimanapun yakin apabila masa berlalu, kontroversi dan pelbagai kata-kata sinis mengenai Menara Berkembar Petronas itu akan lenyap dan rakyat akan menganggap menara berkenaan sebagai simbol kemajuan Malaysia.

"Negara dan rakyat mendapat banyak faedah daripada kejayaan Petronas. Sumbangan Petronas kepada kewangan kerajaan adalah besar tetapi yang lebih penting ialah Petronas memberi peluang pekerjaan kepada beribu rakyat Malaysia.

"Menara Kembar Petronas ini mencerminkan kejayaan Petronas dan juga melambangkan kejayaan pembangunan Malaysia sendiri. Kita memerlukan sesuatu untuk melahirkan cita-cita kita menjadi sebuah negara maju," katanya.

Beliau berkata, bagi Malaysia, menara berkembar itu menjadi simbol kemajuan untuk 22 juta rakyat negara ini.

Menurut Dr Mahathir, perasmian menara berkembar itu amat istimewa bagi rakyat Malaysia kerana menyambut dua peristiwa bersejarah dan penting termasuk sambutan Hari Kemerdekaan ke-42 hari ini.

Katanya, Malaysia bukan sebuah negara pengeluar minyak petroleum yang besar tetapi ia sudah berjaya menubuhkan Syarikat Petroleum Nasional atau Petronas yang sudah diiktiraf sebagai satu daripada 500 syarikat terbesar

di dunia.

Dr Mahathir berkata, ada kalanya Petronas menjadi syarikat yang teruntung sekali di dunia dan negara serta rakyatnya berhak berbangga dengan pencapaian Petronas sebagai satu lagi contoh kebolehan Malaysia.

Katanya, Petronas bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada ribuan rakyat tempatan malah membantu meningkatkan kecekapan rakyat Malaysia dalam bidang pengurusan dan kejuruteraan tinggi.

"Hari ini, Petronas aktif di merata tempat di dunia, aktiviti yang bukan saja menyumbang kepada pendapatannya malah akan menjamin bekalan minyak bagi negara kita apabila sumber dalam negeri sudah berkurangan," katanya.

Beliau berkata, negara tidak kerugian apa-apa dengan membina Menara Berkembar Petronas dan pembinaannya yang dilakukan sebelum nilai ringgit jatuh, menyebabkan nilainya hari ini menjadi separuh lebih rendah.

Dr Mahathir juga memuji Petronas kerana memperuntukkan 50 peratus daripada tanah di kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), iaitu tempat Menara Berkembar itu dibina, untuk taman rekreasi bagi warga kota dan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, kawasan KLCC yang dulunya padang lumba kuda, kini nilai tanahnya sekitar RM1,000 sekaki persegi.

"Namun, Petronas tidak membangunkan keseluruhan tanah dengan padat meskipun biasanya tuan punya tanah yang bernilai begitu tinggi, akan cuba berbuat demikian," katanya.

(END)